UTUSAN MALAYSIA
3/8/2022

**LIPATAN SEJARAH**

# Bahasa Malaysia perlu diberi keutamaan dalam iklan

PADA 3 Ogos 1972, *Utusan Malaysia* melaporkan penegasan Datuk Bandar, Tan Sri Yaakob Latiff tentang bahasa Malaysia hendaklah diberi keutamaan dalam iklan-iklan yang hendak dipasang di bangunan atau poster yang mahu direntang di sekitar kawasan bandaraya Kuala Lumpur.

Menurut beliau, di bawah undang-undang kecil (iklan) bagi Bandaraya, 1972, mereka yang didapati salah melanggar undang-undang tersebut boleh didenda sehingga RM250 atau penjara.


UTUSAN MALAYSIA
Penyebar Fikiran Bangsa dan Nusa
DARJAH SPPM UTK TUN
Champoran Perikatan - PAS
Perundingan bila2 masa - Tun
Hamzah kecham pesta Woodstock di-Cheras
B. M'sia hendak-lah di-beri keutamaan dalam iklan — Yaakob
M'sia lawan Jerman terus menerus di-TV?
Bagaimana ganja di-bawa ka-pesta?
Setahun Berkursus Membawa Kejayaan Inilah Satu Lambang Kemegahan

## ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK

**3 Ogos 1971**
Satu majlis perkahwinan terbesar dan paling meriah akan diadakan antara anak perempuan pemilik Globe Silk Store, Radha T. Jettanand, 20, dengan Chandur G. Khemani, 24, pada 15 Ogos di Jalan Seavoy, Kuala Lumpur.

**3 Ogos 1972**
Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah merasmikan Tugu Peringatan Tunku Abdul Rahman berharga RM400,000 yang terletak di hadapan Bangunan Urusetia Kerajaan di Kota Kinabalu, Sabah.

**3 Ogos 1982**
Setelah berjaya menghasilkan sebuah EP dan sebuah LP beberapa tahun lalu di bawah label EMI, kini penyanyi Rose Iskandar telah diberi peluang oleh Syarikat IMI merakam lagu-lagu ke piring hitam.